

PROSPEKTUS

BUKU PANDUAN KEMASUKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK





VISI VISION

Universiti global peneraju kelestarian masa hadapan.

A leading global University for a sustainable future.

MISI MISSION

Untuk meningkatkan impak sosial dan ekonomi komuniti global melalui kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan strategik.

To enhance the social and economic impacts on the global community through the pursuit of excellence in teaching, research, and strategic engagement.

KANDUNGAN

Visi & Misi	7
Sarawak Bumi Kenyalang	4
Sejarah UNIMAS	6
Mengapa UNIMAS	8
Kemudahan Pelajar	9
Pengenalan Fakulti dan Program	10
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	11
Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi	14
Fakulti Seni Gunaan & Kreatif	16
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	19
Fakulti Kejuruteraan	22
Fakulti Alam Bina	24
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber	26
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	29
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	32
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	35
Syarat Kemasukan	38
Syarat Am	39
Syarat Khas Program Mengikut Kelayakan Akademik (STPM / Matrikulasi / Asasi Diploma / STAM / A LEVEL, INTERNATIONAL BACCALAUREATE & AUSMAT)	40
Kategori STPM	41
Kategori Matrikulasi	58
Kategori Diploma	70
Kategori STAM	87
Kategori A LEVEL, INTERNATIONAL BACCALAUREATE & AUSMAT	97
Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU)	110

UNIMAS



Sarawak Bumi Kenyalang

Sarawak Bumi Kenyalang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai budaya dan adat resam yang tersendiri. Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,449.51 km persegi. Populasi penduduk dianggarkan berjumlah dua juta orang, dan terdiri lebih dari 30 kumpulan etnik. Kekayaan alam semulajadi seperti hutan hujan tropika yang menarik dan terdapat di Sarawak merupakan satu daripada eko-sistem yang dilindungi di dunia. Negeri ini turut bertuah kerana mempunyai pelbagai tarikan alam semulajadi tersendiri antaranya taman negara yang cantik, gua dan air terjun yang memikat, pantai yang indah dan spesies flora dan fauna eksotik yang boleh diterokai di sini.

Kuching merupakan ibu negeri Sarawak dan jarak perjalanan dari bandaraya Kuching ke UNIMAS hanya memakan masa selama 30 minit. Sejak zaman koloni, Kuching telah melalui fasa pembangunan yang membanggakan sejajar dengan modenisasi penduduk selain dari mengekalkan warisan budaya yang ada. Sebagai sebuah bandar yang kaya dengan kepelbagaian etnik di Malaysia, keindahan negeri bandaraya ini diserikan dengan pelbagai festival kebudayaan yang unik. Bandaraya ini mengagumkan pelancong kerana pembinaan seni bangunan bersejarah mengikut reka bentuk yang moden, unik dan terkini.



UNIMAS

UNIMAS diumumkan penubuhannya pada tanggal 1 Oktober 1992 oleh mantan Menteri Pendidikan, Allahyarham YB Tan Sri Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud, dan ia diperbadankan pada 24 Disember 1992 dengan pelantikan Profesor Dato' Zawawi Ismail sebagai Naib Canselor yang pertama. Bermula dengan kira-kira 30 orang kakitangan akademik, UNIMAS membuka pintunya kepada kumpulan pertama 118 orang pelajar pada 8 Ogos 1993. Para pelajar telah didaftarkan di dua fakulti perintis iaitu Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Dua pusat sokongan akademik juga ditubuhkan iaitu Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (PPGM), dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA).

Pada tahun berikutnya, empat lagi fakulti membuka pintu untuk kursus ijazah pertama. Fakulti-fakulti berkenaan ialah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Bilangan kakitangan dan pelajar meningkat sebanyak empat kali ganda. Sementara itu, profil UNIMAS mula meningkat kerana kebanyakan fakulti mula menawarkan program pascasiswazah. Aktiviti penyelidikan mula berakar umbi dengan penubuhan Institut Biodiversiti dan Pemuliharaan Alam Sekitar, yang memberi tumpuan kepada kepelbagaian flora dan fauna di Borneo. Hubungan dengan pelbagai universiti di luar negara juga mula dijalin.

Tempoh antara Januari 1995 dan akhir Disember 1996 menyaksikan peningkatan dalam pemantapan struktur akademik dan penyelidikan Universiti. Dua lagi fakulti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang ditubuhkan pada tahun 1995, dan Fakulti Ekonomi



dan Perniagaan yang ditubuhkan pada 1996, mula mengambil kelompok perintis pelajar masing-masing. Hal ini menjadikan jumlah fakulti kepada sembilan buah keseluruhannya, seperti yang dirancang pada awal penubuhan UNIMAS. Pusat Pengajian Bahasa mula menawarkan program Teaching of English as a Second Language (TESL), sebagai tambahan kepada kursus-kursus generik kemahiran bahasa. Pada tahun 2015, Pusat ini telah dinaik taraf menjadi Fakulti Pengajian Bahasa dan Komunikasi. Dan pada tahun 2018, Fakulti Alam Bina ditubuhkan, menjadikan jumlah fakulti kepada 10 buah keseluruhannya.

Tahun 1997 menyaksikan detik bersejarah di UNIMAS apabila kumpulan perintis graduan menerima ijazah mereka pada majlis konvokesyen sulung Universiti.

Pada tahun 2000, Prof Datuk Yusuf Hadi telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-2 bagi menggantikan Prof Dato' Zawawi Ismail selaku Naib Canselor yang pertama. Prof Datuk Dr. Abdul Rashid Abdullah telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-3 pada 1 Februari 2005. Prof Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor ke-4 pada tahun 2008 sehingga 31 Mac 2013. Manakala, Prof Dato' Dr. Morshidi Sirat kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS ke-5 pada 1 April 2013. Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan beliau terpaksa dipendekkan kerana beliau telah dipanggil semula ke Kementerian Pendidikan Malaysia. YBhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi seterusnya mengambil alih jawatan sebagai Naib Canselor UNIMAS ke-6 pada 16 April 2013. Pada 8 Januari 2024, Prof Dr. Ahmad Hatta Rasit telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-7.

Setakat Januari 2026, jumlah enrolmen pelajar adalah seramai 19,288 orang yang terdiri daripada 15,159 pelajar pra-siswazah, 3,073 pelajar siswazah, dan 1,054 orang pelajar pra-universiti. Manakala jumlah staf universiti ialah seramai 2,385 orang dengan 874 orang daripadanya mewakili staf akademik.





Kualiti akademik diiktiraf oleh kerajaan dan badan-badan profesional



Dipilih oleh pelajar lebih dari 50 buah negara di seluruh dunia



Dilengkapi pengajaran, kemudahan pembelajaran dan penyelidikan yang terkini




Semestinya tempat untuk mengejar impian dalam pendidikan, penyelidikan & kemajuan kerjaya



Kemudahan sukan yang bertaraf dunia di rantau ini

KEMUDAHAN PELAJAR



- Kolej pelajar berkonsepkan apartmen
- Bilik dan dewan kuliah
- Perpustakaan
- Pusat kesihatan pelajar
- Kemudahan sukan yang bertaraf dunia
- Jaringan internet di sekitar kampus
- Kedai serbaneka 24 jam
- Kafeteria pelajar (Student Pavillion)
- Perkhidmatan Automatic Teller Machine (ATM)
- Perkhidmatan bas pelajar
- Dewan Solat Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS)
- KIOSK Pelajar
- Dewan Utama (DeTAR PUTRA)





PENGENALAN
FAKULTI DAN
PROGRAM

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan berhasrat menjadi pusat kecemerlangan akademik yang mampu menghadapi cabaran pengembangan intelek dalam pembelajaran dan pengajaran di universiti pada abad ini. Matlamat utama penubuhan fakulti adalah untuk melatih dan mengeluarkan graduan dalam pelbagai disiplin Sains Sosial dan Kemanusiaan yang berfikiran kritis dan analitikal, serta mempunyai kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Matlamat jangka panjang fakulti dari aspek penyelidikan adalah untuk menjurus kepada ilmu sains sosial dan kemanusiaan di Kepulauan Borneo. Sesuai dengan tujuan ini, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah mewujudkan jaringan strategik dengan komuniti tempatan, badan bukan kerajaan, serta sektor awam dan swasta yang berkaitan. Selain menawarkan enam program pengajian di peringkat prasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan juga menawarkan program pengajian pascasiswazah dalam bidang terpilih.

PROGRAM HUBUNGAN INDUSTRI DAN PEKERJAAN

Program Hubungan Industri dan Pekerjaan memperkenalkan isu-isu pengajian dan penyelidikan berkaitan globalisasi pengeluaran dan pembahagian kerja antarabangsa. Ia meliputi perubahan proses kerja serta implikasinya ke atas kehidupan keluarga dan masyarakat. Ia juga menyentuh soal negara dan proses hubungan di antara pihak pekerja, majikan dengan kerajaan dan undang-undang tertentu yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Pengkhususan pengajian ini juga merangkumi isu-isu baharu dalam pembangunan, perancangan dan pengurusan sumber manusia serta beberapa aspek penting dalam penyelidikan.

PROGRAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

Program Hubungan Antarabangsa memperkenalkan pelajar kepada pembentukan sistem antarabangsa dan hubungan antara negara moden sejak Perjanjian Westphalia pada tahun 1648 melalui kerangka sejarah dan teori. Selain itu, program ini meneliti sistem antarabangsa dalam konteks semasa yang kian kompleks dengan kemunculan aktor dan cabaran baharu. Untuk itu, program ini memberi perhatian terhadap persoalan mengenai undang-undang antarabangsa, ekonomi global, diplomasi moden, perundingan dan penyelesaian konflik, dasar luar, keselamatan dan pertahanan, dan isu-isu kontemporari yang lain. Program ini, secara keseluruhan, memperlengkapkan pelajar dengan ilmu teoritik dan praktikal yang perlu dikuasai oleh pengamal hubungan antarabangsa seperti para diplomat dan perwakilan pedagang antarabangsa.

PROGRAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Program Antropologi dan Sosiologi menawarkan ilmu asas teori bagi mengembangkan keupayaan analitikal pelajar untuk berfikir dan mentafsir masyarakat dan isu di dalam persekitaran sosial. Program ini menyediakan pelajar ilmu pengetahuan yang menyeluruh di dalam tema yang berkaitan dengan alam sekitar, budaya, jenayah, golongan belia, masyarakat pribumi dan globalisasi. Program ini juga merupakan teras kepada Kajian Borneo yang diterapkan di dalam pengajaran dan penyelidikan melalui penelitian sumbangan antropologi dan sosiologi dalam merungkai ilmu yang mendasari masyarakat Borneo dan transformasi sosial. Sehubungan itu, program ini mendukung persoalan ilmiah bagi membuat penilaian secara kritis akan tantangan serta kontradiksi dan kesan rasionalisasi kapitalis yang menaungi masyarakat kontemporer.

PROGRAM KAJIAN POLITIK DAN PEMERINTAHAN

Kajian Politik dan Pemerintahan, pada asasnya, menawarkan pengajian dalam bidang sains politik yang bersifat menyeluruh dan praktikal. Oleh kerana sains politik merupakan bidang ilmu yang amat luas skop kajiannya maka program Politik dan Pemerintahan menawarkan kursus-kursus yang dapat mendedahkan pelajar kepada pelbagai sub-bidang yang terdapat dalam sains politik. Sub-bidang yang dimaksudkan ini ialah politik Malaysia, polisi dan pentadbiran, teori politik dan politik bandingan.

PROGRAM PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

Malaysia kini mengalami transformasi sosio-ekonomi yang pesat dan sedang giat menuju ke arah pencapaian status negara industri sepenuhnya pada tahun 2020. Dalam konteks ini, pembangunan sumber-sumber manusia yang mahir dan tenaga kerja yang berdisiplin adalah diperlukan untuk merealisasikan wawasan ini. Pendekatan dan skop Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan ini berbentuk pelbagai disiplin dari segi pendekatan dan skop. Bidang kajiannya termasuklah ekonomi, antropologi, sosiologi dan alam persekitaran. Kesemua dimensi ini akan menyediakan kerangka yang penting untuk menganalisa isu-isu semasa dalam pembangunan dan ia juga boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam merancang dan mengurus projek. Program ini dirangka untuk melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan dan teknik yang terkini dalam perancangan dan pengurusan pembangunan. Aspek yang penting dalam kurikulum program ini ialah penerapan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi perkomputeran untuk tujuan perancangan, pelaksanaan dan penilaian dalam projek khususnya untuk tujuan pembangunan. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak program dirangka untuk mempersiapkan pelajar dengan ilmu sains sosial dan kemanusiaan khususnya ilmu perancangan dan pengurusan pembangunan. Kemahiran hidup serta kemahiran yang diperlukan di dunia pekerjaan turut diterapkan dalam program ini melalui kursus-kursus generik dan pelengkap yang wajib diambil oleh setiap pelajar.



PROGRAM KERJA SOSIAL

Urbanisasi, perubahan corak keluarga, kekurangan jaringan sokongan tradisi dan kemunculan pelbagai masalah sosial beberapa dekad yang lalu telah memperkenalkan relevannya amalan kerja sosial profesional di Malaysia. Matlamat utama kerja sosial adalah kepada perubahan dengan meningkatkan kesejahteraan manusia dan mempromosikan keadilan sosial serta pembangunan sosial. Kursus-kursus yang ditawarkan bermatlamat untuk menyediakan dan memperlengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai interaksi manusia dengan masyarakat, teori dan kemahiran dalam kerja sosial bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang cekap dalam membantu dan bekerja bersama dengan individu, kumpulan dan komuniti serta pembentukan dasar sosial. Pengajian ini juga pada dasarnya memerlukan pengetahuan merentasi pelbagai disiplin sains sosial dan sains perlakuan seperti perancangan dan pengurusan, kemahiran komunikasi dan interpersonal.



FAKULTI PENDIDIKAN BAHASA DAN KOMUNIKASI

Pusat Pengajian Bahasa (PPB) ditubuhkan pada 1 Disember 1993 dan kemudian dinaik taraf menjadi Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi (FPBK) pada Januari 2016 sebelum ditukar menjadi Fakulti Bahasa dan komunikasi (FBK) pada Julai 2017. Pada September 2023, ianya dijenamakan semula sebagai Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa. Terdapat empat program pengajian prasiswazah yang ditawarkan di FPBK iaitu Program Linguistik, Program Komunikasi Strategik, Program Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Global, dan Program Pendidikan Islam. Selain itu, FPBK juga menawarkan kursus-kursus bahasa ketiga yang bertaraf kursus Elektif Universiti seperti bahasa Iban, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Mandarin, bahasa Perancis dan bahasa Korea.

PROGRAM LINGUISTIK

Program ini menggabungkan penerokaan linguistik dengan pengayaan budaya, iaitu memberikan tumpuan kepada bahasa-bahasa Borneo di Sarawak. Ia menyediakan pendidikan holistik yang melengkapkan pemahaman linguistik melalui pemahaman asas terhadap media, sastera dan budaya. Pendekatan multidisiplin ini mempersiapkan pelajar untuk terlibat dalam kepelbagaian bidang linguistik bagi menyediakan pelbagai medium komunikasi kepada pelajar secara menyeluruh. Program pengajian ini dijalankan selama 3 tahun (6 semester) dan para graduan akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Linguistik dengan Kepujian setelah tamat pengajian dengan jayanya.

PROGRAM BAHASA INGGERIS KOMUNIKASI GLOBAL

Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang luas digunakan di seluruh dunia untuk tujuan perdagangan antarabangsa, penyelidikan, teknologi, dan keperluan pelbagai industri. Kemahiran berkomunikasi secara berkesan dalam Bahasa Inggeris adalah penting dewasa ini untuk membolehkan kita memainkan peranan sebagai warga dunia global. Program ini melengkapkan para siswazah dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mengaplikasikan Bahasa Inggeris sebagai alat komunikasi yang penting di dalam dunia global. Bahasa penghantar utama yang digunakan dalam program ini ialah Bahasa Inggeris. Program pengajian ini dijalankan selama 4 tahun (8 semester) dan para graduan akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Global dengan Kepujian setelah tamat pengajian.

PROGRAM KOMUNIKASI STRATEGIK

Program ini berhasrat melahirkan siswazah yang mempunyai kemahiran secara kritis, analitik, dan praktikal dalam bidang komunikasi strategik di samping mempunyai kualiti kepimpinan yang berkemampuan untuk berkomunikasi secara objektif, kreatif, dan bertanggungjawab. Siswazah program ini juga berkemampuan untuk mengoptimumkan penggunaan alat-alat komunikasi secara bersepadu dan strategik serta berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran global yang dinamik. Program pengajian ini dijalankan selama 4 tahun (8 semester) dan para graduan akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Komunikasi Strategik) dengan Kepujian apabila tamat pengajian.

PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM

Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan luas dalam bidang Pendidikan Islam dan bersifat lokal. Ini mencakupi ilmu kepelbagaian pendidikan umum dan Pendidikan Islam selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Melalui program ini, graduan diharap akan memiliki kepakaran dan kemahiran dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah atau institusi pendidikan lain. Program pengajian ini dijalankan selama 4 tahun (8 semester) dan graduan akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian setelah tamat pengajian.

FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) telah diwujudkan pada tahun 1994. Ia mengiktiraf kepentingan seni reka, seni visual, seni persembahan, produksi digital filem dan animasi bertunjangkan teknologi serta kemahiran pengurusan seni bagi memanfaatkan program-program pengajian yang ditawarkan. Fakulti juga menghasilkan graduan artistik yang profesional bagi persekitaran kerja yang dinamik dan pelbagai. Bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran asas dan disiplin untuk mencipta dan meneroka idea-idea kreatif, fakulti ini mengintegrasikan penggunaan seni, teknologi dan pengurusan untuk meningkatkan integrasi kurikulum berdasarkan konsep pendidikan seni kreatif yang dinamik, inovatif dan bertaraf antarabangsa.



PROGRAM TEKNOLOGI SENI REKA

Program ini merangkumi tiga modul pilihan iaitu Seni Reka Grafik, Seni Reka Perindustrian dan Seni Reka Tekstil dan Fesyen. Program ini memberi pendekatan teori dan praktikal studio secara holistik. Modul pilihan yang ditawarkan adalah direkabentuk khusus untuk memenuhi hasrat fakulti untuk melahirkan pelajar dengan nilai seni kreatif yang tinggi, berinovasi di samping mempunyai ilmu pengetahuan tentang pengurusan yang efektif sejajar dengan perkembangan dunia teknologi tanpa sempadan.

PROGRAM MUZIK

Program ini memberi penekanan kepada kemahiran teknologi muzik secara khusus melalui aspek teori dan praktikal. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai aspek produksi muzik, di antaranya, teknik rakaman studio, penghasilan bunyi untuk visual, produksi kepelbagaian media dan teknik penghasilan muzik dengan berbantuan teknologi. Selain itu pelajar turut mempelajari seni persembahan konvensional dari tahap permulaan hinggalah ke persada profesional.

PROGRAM DRAMA DAN TEATER

Program Drama dan Teater beriltizam untuk menjadi peneraju pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bagi kajian drama dan teater di Borneo yang memfokuskan kepada budaya seni persembahan tempatan. Budaya seni persembahan setempat diperkenalkan melalui pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai kursus dalam pengajian prasiswazah, penyelidikan dan penerbitan serta penglibatan bersama komuniti. Fokus program ini adalah teater eksperimental yang bertunjangkan budaya setempat dengan menjalinkan teknologi dan seni. Antara kursus yang ditawarkan dalam program ini adalah seni rekaan pentas, lakonan, pengarahan, seni reka untuk pengarah, sinografi, pengurusan teater, pengurusan pentas, teater produksi, teater moden Malaysia, pengenalan Mise-en-scène dan teori dan kritikan drama, yang khusus direka untuk melahirkan graduan berilmu dengan nilai profesionalisme yang mantap serta pemikiran kritikal dan analitis dalam bidang drama dan teater. Antara bidang pekerjaan graduan program ini adalah sinografer, pengarah artistik, pelakon, pengarah, propmaster, pereka teknikal, pereka audio, pengurus pentas, penyelarasa acara, pereka tatacahaya, pengurus produksi, pengurus acara, pegawai pemasaran seni, penerbit, pegawai akademik di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi, serta pegawai kebudayaan dan kesenian.

PROGRAM SENI HALUS

Program ini diwujudkan untuk melahirkan karyawan seni tampak yang bersifat inovatif dan kreatif secara lokal khususnya dan global amnya. Di samping itu juga, ia turut membuka dimensi baru kepada pelajar untuk menjana inovasi karya terkini melalui integrasi tradisi amalan seni halus dan aplikasi teknologi. Terdapat lima disiplin utama program ini iaitu Catan, Cetakan, Arca Tiga-Dimensi, Fotografi dan Seni Elektronik.

PROGRAM SINEMATOGRAFI

Program Sinematografi menyediakan ilmu tentang sejarah, penganalisan, kritikan, dan produksi dan pengurusan filem. Proses pengajaran-pembelajarannya merangkumi ilmu teori dan praktikal yang disokong oleh pengaplikasian teknologi. Kurikulum program ini dirangka bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja berkemampuan menguruskan peralatan dan proses perfileman, malah berkemampuan dalam mengarah, menyunting, menghasilkan skrip, mereka produksi, serta mahir mengendalikan tatacara bunyi. Teori pragmatik dan latihan teknikal dalam semua aspek produksi filem, digital video dan televisyen turut dipelajari dan diperhalusi dalam program ini.

PROGRAM PENGURUSAN SENI

Program ini diwujudkan bagi melahirkan ahli pengurusan seni yang mahir dan kompeten dalam mentadbir urus organisasi yang bersifat aktiviti kesenian. Program ini memberi pendedahan secara praktikal kepada pelajar untuk membina pengetahuan dan pengalaman sendiri dalam merancang dan menjayakan sesebuah aktiviti seni yang dianjurkan. Selain itu program ini turut menyediakan kursus-kursus yang membina asas keusahawanan, sesuai dengan keperluan industri sezaman.

PROGRAM ANIMASI

Program Animasi ini diwujudkan untuk mendedahkan pelajar pelbagai kaedah pembinaan animasi dalam bentuk produksi digital media. Pelajar juga akan mempelajari proses pembinaan seni reka karakter, animasi eksperimental, animasi produksi 3D serta produksi 2D . Kursus-kursus yang ditawarkan di dalam program ini termasuklah berkaitan asas penyediaan kandungan, integrasi dengan filem, penyediaan skrip, papan penceritaan dan pasca produksi. Pelajar juga didedahkan kepada teknologi terkini bersama karyawan jemputan dari industri yang secara tidak langsung membina pelajar ke arah pembangunan usahawan digital tempatan. Antara bidang pekerjaan daripada program ini adalah Animator 3D, Animator 2D, Pelukis Papan Penceritaan untuk filem dan animasi, Illusturator, Artis Visual Produksi, 3D Modeller, Vfx Artist, Pereka Permainan Digital serta Usahawan Kandungan Digital.

FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) merupakan fakulti yang pertama di Asia Tenggara yang mengiktiraf kepentingan fungsi minda dengan menggabungjalin disiplin Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia bagi meneroka aspek inovasi teknologi, pembangunan dan prestasi insan ke arah produktiviti organisasi. Bidang Sains Kognitif merupakan ilmu gabungan disiplin Psikologi, Antropologi, Neurosains, Falsafah, Pendidikan, Linguistik, Kepintaran Buatan, Ergonomik dan Sains Komputer. Pembangunan Sumber Manusia pula memberi memfokus kepada peningkatan keupayaan individu untuk menjadi tenaga kerja yang beriltizam ke arah meningkatkan produktiviti organisasi. Program Kaunseling pula bertujuan untuk mengendali pelbagai isu dan permasalahan yang dihadapi oleh individu dan kumpulan dalam organisasi. Manakala Program Psikologi mengkaji tingkahlaku dan proses mental individu dan dirancang untuk memiliki kepakaran dan kemahiran dalam menangani dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.



PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Program ini digubal untuk melahirkan pegawai pembangunan sumber manusia yang mampu membantu organisasi menggarap dasar dan strategi sumber manusia serta mampu membuat keputusan membangun dan melaksana program sumber manusia dalam usaha mencapai visi dan misi organisasi. Program ini memberi penekanan kepada aspek kognisi dalam usaha membekalkan pelajar dengan kemahiran analitikal dan penyelesaian masalah. Kemahiran dan pengetahuan tersebut penting untuk kerjaya mereka sebagai profesional dalam bidang pembangunan sumber manusia. Penggunaan teknologi maklumat juga diberi penekanan signifikan dalam program.

PROGRAM SAINS KOGNITIF

Program ini merupakan bidang pengajian yang melibatkan kajian saintifik tentang minda serta proses-proses kognitif manusia dengan menggunakan pendekatan interdisiplin seperti kepintaran buatan, neurosains, psikologi, linguistik, dan falsafah minda. Program ini bertujuan untuk memahami minda, sifat kepintaran dan pengetahuan serta faktor manusia dalam teknologi dan komputer. Program ini juga menerangkan aplikasi pengetahuan minda, proses kognisi dan kepintaran manusia dalam kehidupan manusia seharian.



PROGRAM KAUNSELING

Program ini bertujuan melahirkan kaunselor yang memiliki sahsiah dan nilai positif seperti toleransi, cintakan ilmu dan bersifat resilien dalam menggalas tanggungjawab sebagai pengamal kaunseling. Program ini juga diwujudkan untuk memupuk sifat beretika, keupayaan untuk meningkatkan martabat profesion serta menyediakan perkhidmatan kaunseling yang berkualiti dalam kalangan graduan. Program ini menggabungkan disiplin sains kognitif, pembangunan organisasi dan teknologi maklumat dalam disiplin kaunseling untuk melahirkan graduan yang berketrampilan dan kalis masa hadapan. Pendekatan multidisiplin dalam bidang kaunseling ini membolehkan bakal graduan untuk berfikir secara kritis dan analitikal dalam mengendalikan kes kaunseling dan isu-isu semasa bagi memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan secara berkesan.

PROGRAM PSIKOLOGI

Program ini bertujuan melahirkan pegawai psikologi yang berkualiti dan mampu meningkatkan perkhidmatan yang diberikan. Pengamal Psikologi yang profesional perlu memahami cabaran dan isu yang dihadapi individu dan mengenalpasti kaedah untuk membangunkan ujian psikometrik, mentadbir ujian psikologi serta memberi perkhidmatan psikologi dengan berkesan.

Program ini menggabungkan disiplin sains kognitif, pembangunan organisasi dan teknologi maklumat dalam disiplin psikologi untuk membentuk aliran baru yang mampu melahirkan graduan yang berketerampilan serta bersifat sezaman. Pendekatan multidisiplin ini membolehkan pelajar melihat pelbagai isu yang dihadapi seterusnya memberi khidmat serta bimbingan dengan efektif.



FAKULTI KEJURUTERAAN

Fakulti Kejuruteraan mempunyai visi untuk menjadi pusat yang cemerlang bagi melahirkan jurutera-jurutera yang berkualiti melalui sistem pembelajaran yang dinamik dan berinovasi. Fakulti Kejuruteraan juga berpaksikan penyelidikan secara khusus demi memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Program-program pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Kejuruteraan ini direkabentuk khas untuk memenuhi keperluan pihak yang berkepentingan, selari dengan sistem pembelajaran kejuruteraan yang inovatif dan sistematik. Misi Fakulti Kejuruteraan adalah untuk menyediakan sistem pembelajaran yang sistematik dan inovatif, serta melahirkan jurutera yang beretika, berkemahiran teknikal dan boleh berkomunikasi secara efektif. Program yang ditawarkan diiktiraf dan diakreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), yang bernaung di bawah Washington Accord. Graduan-graduan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS diiktiraf di negara-negara lain yang juga bernaung di bawah Washington Accord seperti Australia, Kanada, Ireland, Hong Kong, Japan, New Zealand, Singapura, Afrika Selatan, Korea Selatan, Taiwan, United Kingdom, United States of America dan juga Malaysia.

PROGRAM KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Program ini direkabentuk untuk memberi tumpuan kepada kejuruteraan mekanikal yang lebih fokus kepada bidang pembuatan. Antara subjek teras kepada program ini ialah kejuruteraan bahan, lukisan kejuruteraan, mekanik, mekanik bendalir dan haba, getaran, robotik dan pembuatan. Program ini menyediakan bakal jurutera yang mempunyai kebolehan dalam bidang mekanikal dan pembuatan yang sesuai dengan keperluan terkini dan permintaan pihak industri. Program ini adalah bersesuaian dengan Revolusi Industri 4.0 di mana para pelajar berpeluang menggunakan teknologi semasa dan terkini di dalam pengajaran dan pembelajaran seperti perisian simulasi, mesin pencetak 3D (3D printer) dan pembelajaran di atas talian. Program ini telah mendapat akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

PROGRAM KEJURUTERAAN ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik selaras dengan keperluan industri samada di sektor awam atau swasta. Modul pengkhususan program ini meliputi bidang kuasa, telekomunikasi dan komputer yang direkabentuk untuk menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (4.0) seiring dengan keperluan semasa. Program Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik dapat melahirkan graduan yang kreatif dan dilengkapi dengan kemahiran pemikiran yang tinggi dan kritis di dalam penyelesaian masalah dan mempunyai nilai-nilai murni sejajar dengan tanggungjawab sebagai jurutera dan masyarakat. Program ini telah mendapat akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

PROGRAM KEJURUTERAAN KIMIA

Program ini ditawarkan untuk memenuhi permintaan yang besar daripada industri dan pihak berkepentingan untuk melahirkan lebih ramai jurutera kimia bagi menampung kekurangan keperluan di Malaysia. Program ini menggabungkan kejuruteraan kimia dan tenaga lestari dan bersesuaian dengan Revolusi Industri 4.0, ilmu-ilmu kejuruteraan asas program kejuruteraan kimia yang ditawarkan dalam program ini menjurus ke arah kepakaran yang khusus untuk kejuruteraan tenaga dan sumber-sumber asli yang banyak terdapat di negara kita. Sumber-sumber asli seperti minyak, gas, arang batu, minyak sawit, serta tenaga alternatif yang sustainabiliti juga didedahkan kepada pelajar, untuk diusaha dan dimajukan terus demi manfaat negara. Program ini telah mendapat akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

PROGRAM KEJURUTERAAN SIVIL

Program ini direkabentuk untuk melahirkan jurutera yang kreatif, berfikiran kritis dan dilengkapi dengan kemahiran berkomunikasi. Modul pengkhususan meliputi bidang Kejuruteraan Geoteknik, Kejuruteraan Pembinaan, Kejuruteraan Struktur dan juga Kejuruteraan Air. Program ini telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

FAKULTI ALAM BINA

Fakulti Alam Bina secara rasminya telah ditubuhkan pada 22 September 2018 dan merupakan fakulti ke-10 ditubuhkan di UNIMAS. Visi Fakulti Alam Bina adalah menjadi peneraju pendidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk kecemerlangan ikhtisas dalam amalan, budaya dan warisan Alam Bina. Program-program yang ditawarkan di bawah Fakulti Alam Bina adalah bersifat multi-disciplinary dengan berteraskan pengajian berkaitan dengan alam bina yang merangkumi Senibina dan Ukur Bahan. Turut ditekankan adalah pengetahuan merangkumi disiplin berkaitan seperti teknologi, perancangan dan rekabentuk bandar serta pengurusan alam bina.



PROGRAM SENIBINA

Program Senibina ditawarkan seiring dengan transformasi Sarawak untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2030 melalui SCORE - Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak. Berhadapan dengan isu-isu global seperti perubahan iklim, kepupusan habitat dan spesies, kemiskinan bandar dan transformasi luar bandar, seni bina di UNIMAS merangkumi pendekatan-pendekatan yang mengambil kira aspek-aspek pembinaan berdasarkan keunikan Sarawak yang mempunyai kepelbagaian yang tersendiri. Program ini turut direka untuk menyediakan graduan bagi memenuhi permintaan pasaran sebagai arkitek yang profesional serta diiktiraf. Program ini juga merintis pendekatan holistik kepada alam bina dengan mengambilkira aspek budaya dan ekologi setempat yang menjadikannya bersifat kontemporari dan seiring dengan perubahan masa. Program ini telah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).

PROGRAM UKUR BAHAN

Program ini ditawarkan untuk memenuhi permintaan yang besar daripada industri pembinaan bagi menampung kekurangan keperluan juruukur bahan profesional di Malaysia. Program ini dibangunkan untuk menghasilkan graduan ukur bahan yang kreatif, berkemampuan, berwibawa dan berkaliber tinggi dengan pengetahuan yang mantap dalam sektor pembinaan mampan di samping menyusun semula pembangunan infrastruktur dengan lebih teratur dan meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat dengan berteraskan pembangunan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE), Inisiatif Digital Ekonomi dan Revolusi Industri 4.0. Program ini juga memenuhi keperluan global selari dengan hala tuju pendidikan baharu dengan penawaran kursus yang bersesuaian bagi mendedahkan para pelajar dengan pembangunan di dalam dan luar negara. Program ini telah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM).

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) merupakan fakulti yang terawal ditubuhkan di UNIMAS pada 8 Ogos 1993. FSTS beriltizam untuk menjadi sebuah pusat pengajian dan penyelidikan yang ulung dan menjadi pilihan utama pelajar dan penyelidik dalam bidang sains serta teknologi sumber semulajadi di rantau ini. FSTS juga memainkan peranan penting penggerak ke hadapan dalam memajukan bidang sains dan teknologi negara melalui penglibatan aktif dalam pemindahan teknologi serta kerjasama antara universiti, agensi kerajaan dan industri.



PROGRAM TEKNOLOGI ZOOLOGI

Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang holistik serta berpengetahuan dalam bidang pengurusan dan pemuliharaan sumber fauna dan alam sekitar. Kepelbagaian biodiversiti yang kurang mendapat perhatian menjadi semakin kritikal dan memerlukan pendekatan terkini dengan aplikasi teknologi dalam aktiviti pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar. Kaedah-kaedah bioteknologi, pengkomputeran dan bioinformatik diaplikasikan dalam program ini bagi memastikan pelajar dapat mempraktikkan pengetahuan mereka bagi menjamin kelestarian alam semulajadi. Pada masa yang sama program ini juga membantu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hidupan liar serta habitat mereka dalam pembangunan sosio-ekonomi negara.

PROGRAM SAINS KIMIA

Program ini menyediakan asas kukuh dalam bidang kimia, meningkatkan data kreativiti dan membangunkan kemahiran Teknik analisis kimia. Program ini juga menambah kefahaman yang mendalam berkenaan eksperimentasi kimia dan penyelidikan. Kemahiran yang diterapkan termasuk penganalisan data sedia ada dan data baru serta penilaian kesahihan data-data tersebut. Ilmu akademik dan pengalaman yang diperoleh sepanjang tempoh pengajian terutamanya semasa menjalankan penyelidikan tahun akhir dan latihan industri amat berguna untuk menghasilkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang-bidang berkaitan analisis kimia, manipulasi sumber asli untuk pelbagai kegunaan, kawalan mutu serta kelestarian alam sekitar dan tenaga.

PROGRAM BIOLOGI MARIN DAN AIR TAWAR

Program ini merupakan peneraju dalam program-program akuatik di Malaysia, dengan tumpuan pada pemahaman mendalam tentang ekosistem dan sumber akuatik, serta kaedah pengurusan dan pemanfaatannya secara lestari. Ia digubal khas untuk memperkukuhkan asas saintifik graduan, dengan penekanan kepada peranan mereka dalam meneroka, memulihara, dan memelihara kepelbagaian biologi dalam ekosistem akuatik. Selain itu, program ini tidak hanya menitikberatkan kepada pemuliharaan ekosistem, tetapi juga merangkumi bidang akuakultur seperti pembenihan ikan, formulasi makanan, dan lain-lain. Secara keseluruhan, program ini dapat meningkatkan kesedaran akan kepentingan pemuliharaan sumber akuatik, serta mempersiapkan generasi akan datang untuk menguruskan sumber secara lestari.

PROGRAM AGROTEKNOLOGI

Program ini memberi tumpuan kepada gabungan asas pertanian dan aplikasi teknologi pertanian masakini. Tujuan utama program ini adalah untuk memperkasakan bakal graduan dalam menimba pengetahuan yang mantap dan berupaya mengaplikasikan teknologi pertanian dengan lebih moden, kreatif, inovatif bagi meningkatkan produktiviti serta mempunyai daya saing yang mantap. Program ini berupaya mengamalkan budaya pertanian yang moden dan mampan, peka terhadap kelestarian dan pencemaran alam sekitar.



PROGRAM BIOTEKNOLOGI SUMBER

Pelajar program Bioteknologi Sumber akan dilatih dalam pelbagai disiplin sains yang berkaitan rapat dengan bioteknologi seperti teknologi rekombinan DNA, kultur sel dan tisu, fermentasi dan bioproses, kejuruteraan genetik, serta teknik-teknik biologi molekul lain yang memainkan peranan penting dalam kajian bioteknologi. Di samping sesi-sesi amali yang dijalankan bagi mempraktikkan teori yang dipelajari dalam kelas setiap semester, pelajar pada tahun akhir juga berpeluang mengkhusus dalam bioteknologi tumbuhan, haiwan, alam sekitar, marin dan bio-perubatan. Sebagai tambahan, pelajar juga akan diberikan pendedahan kepada aplikasi sosio-ekonomi yang berasaskan bioteknologi.

PROGRAM TUMBUHAN

Program Sains Tumbuhan menyediakan pengetahuan dan kemahiran pengurusan yang komprehensif untuk kelestarian dan pemuliharaan sumber tumbuhan dalam pelbagai sektor termasuk pertanian, perhutanan, landskap, bioteknologi dan lain-lain. Sektor-sektor ini telah diiktiraf sebagai antara pemacu penting pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara kita. Malah, program ini juga memberi pendedahan asas yang penting dalam pengeluaran makanan dan tanaman, pengurusan dan penambahbaikan tumbuhan, pemulihan alam sekitar dan landskap, ke arah meningkatkan kualiti hidup di peringkat global.

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) di UNIMAS telah diiktiraf sebagai Premier Digital Tech Institution (PDTI) oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) pada tahun 2022, menjadikan fakulti ini terunggul dalam bidang ICT di Borneo. FSKTM menawarkan 5 program prasiswazah yang semuanya telah diakreditasi oleh MQA dan melalui penilaian secara berterusan oleh MQA dan pihak industri

FSKTM telah ditubuhkan pada November 1993 dan sejak itu telah melahirkan ribuan bakat digital dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat di Malaysia. Dibangunkan sebagai Fakulti Teknologi Maklumat (FTM) pada tahun 1993, kemudian dipertingkatkan menjadi Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat pada sesi 2002/2004, menunjukkan halatuju fakulti ini sejajar dengan perkembangan dunia komputer dan kepentingan pendidikan dalam bidang sains dan teknologi yang kompetitif, serta usaha untuk memajukan disiplin ini bersama dengan pihak industri

Inisiatif ini selari dengan aspirasi negara untuk membangunkan Malaysia sebagai hub digital terkemuka di rantau ini. FSKTM juga terus memegang teguh slogan "Focus On Individual Transformation (FoCuSIT)" sebagai identiti korporat yang memberi tumpuan kepada bidang ICT sebagai pilihan kepada bakal pelajar yang berpotensi untuk menyertai fakulti ini.



PROGRAM **PENKOMPUTERAN RANGKAIAN**

Pengkompoteran rangkaian merupakan pengajian berintegrasi yang memacu ke arah melengkapkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan berkaitan dengan rangkaian komunikasi. Tumpuan utama dalam pengajian pengkompoteran rangkaian ialah pengintegrasian komponen-komponen dan perisian sistem komputer yang bertumpukan pada bidang sistem rangkaian berkelajuan tinggi, berprestasi tinggi serta mudah alih. Pelajar program ini bukan sahaja mendapat pendedahan yang menyeluruh mengenai pengetahuan teknikal dan praktikal dalam bidang sains komputer dan rangkaian komunikasi, malahan berpeluang mempertingkatkan kemahiran insaniah sendiri, termasuk pembinaan kemahiran berfikir secara kritikal, kebolehan menyelesaikan masalah dan sebagainya.

PROGRAM **KEJURUTERAAN DATA**

Keperluan sezaman bergerak pantas ke tahap pengautomasian yang tinggi dan efisien, dan kini dilihat lebih banyak kebergantungan kepada maklumat yang disediakan oleh sistem-sistem berkomputer. Sistem berasaskan komputer menjadi aset strategik yang paling penting dalam sesebuah organisasi. Program kejuruteraan data adalah berkait rapat dengan pembangunan sistem bagi membolehkan maklumat disampaikan kepada pengguna yang memerlukannya tepat pada masa yang diinginkan. Program ini melibatkan proses merekabentuk dan membina sistem-sistem berkomputer yang membantu pengumpulan data dan membuat analisis secara terperinci melalui data daripada pelbagai sumber dan format. Sistem-sistem ini memperkasakan pencarian aplikasi praktikal untuk data di sektor industri.

Program ini juga memberi tumpuan terhadap organisasi, manusia, proses dan aspek-aspek teknikal dalam pembangunan sistem. Program ini sesuai untuk para pelajar yang berminat dalam bidang merekabentuk dan mengimplementasi penyelesaian yang efektif dalam memenuhi keperluan organisasi dan pengurusan bagi sokongan maklumat dan pembuatan keputusan. Para pelajar akan dapat mengaplikasi teori dengan melibatkan diri dalam pelbagai projek. Kurikulum program yang dinamik ini menawarkan gabungan unik antara teknologi, pengurusan dan strategi. Program ini juga menyediakan latarbelakang yang asas bagi para pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kursus-kursus ini bukan hanya memenuhi kehendak sektor perindustrian tetapi juga memberikan impak dalam bidang penyelidikan.



PROGRAM KEJURUTERAAN PERISIAN

Program Kejuruteraan Perisian merupakan satu disiplin yang menggabungkan ilmu pengurusan, prinsip kejuruteraan, matematik, dan juga pembangunan perisian komputer. Kurikulum program ini menekankan asas-asas kejuruteraan perisian, metodologi, serta alat-alat pembangunan perisian termasuk yang digunakan untuk mengukur kualiti perisian. Pelajar akan mendapat latihan dalam pengaturcaraan, teknologi rangkaian, struktur data dan algoritma, konsep teori automata, serta pangkalan data. Selain kursus-kursus asas, pelajar akan didedahkan kepada teknik analisis spesifikasi perisian dan mengubahnya ke dalam notasi formal, merekabentuk perisian, mengimplementasikan kod, dan mempelajari teknik untuk mengukur kualiti perisian. Dalam program ini, pelajar berpeluang untuk mengaplikasikan ilmu teori yang telah dipelajari dalam pelbagai projek pembangunan perisian secara berkumpulan berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh Badan Ilmu Kejuruteraan Perisian. Pelajar akan didedahkan kepada asas-asas ekonomi dalam kejuruteraan perisian, di mana pelajar akan mempelajari metodologi rekaian, analisis, dan penilaian yang berkaitan dengan peningkatan nilai web. Pelajar juga akan diperkenalkan kepada pengetahuan asas pengujian perisian dan cara mengintegrasikan ujian sepanjang proses pembangunan perisian. Selain itu, pelajar akan mempelajari prinsip dan teknik penyelenggaraan perisian, pengurusan konfigurasi, dan asas membina perisian yang selamat menggunakan prinsip keselamatan dalam kitaran pembangunan perisian.

PROGRAM PENGKOMPUTERAN MULTIMEDIA

Program ini mengkhususkan pelajar dengan reka bentuk perisian dan kandungan pelbagai dimensi. Pelajar akan didedahkan dengan kemahiran dan kompetensi teknikal berkaitan sistem dan aplikasi multimedia yang tidak terhad kepada teks, grafik, audio,

animasi dan imej, selain asas teknologi multimedia. Kursus-kursus teras program meliputi pengaturcaraan multimedia, grafik komputer, reka bentuk dan pembangunan permainan komputer, pembangunan sistem berasaskan web, visualisasi dan pemrosesan imej serta kepintaran buatan. Program ini menekankan integrasi teknologi dalam pengaturcaraan multimedia dan pembangunan kandungan. Pendedahan kepada integrasi kandungan multimedia dengan aspek-aspek komunikasi dan teknologi maklumat juga membolehkan pelajar-pelajar menghasilkan kandungan multimedia, di samping membangunkan aplikasi yang bercirikan interaktif dan dinamik. Selain itu, program ini juga memberi fokus kepada penyelesaian masalah secara praktikal dalam pelbagai disiplin ilmu menggunakan teknologi terkini.

PROGRAM SAINS KOMPUTAN

Program ini menawarkan bidang pelbagai disiplin ilmu dengan menggabungkan matematik dan sains komputer untuk menyelesaikan masalah pengkomputeran yang berkaitan dengan biologi, fizik, ekonomi dan sebagainya. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan graduan yang kompeten dalam membina model matematik dan menggunakan teknik analisis kuantitatif. Graduan dilatih untuk menjadi kompeten dalam menggunakan komputer untuk menganalisa dan menyelesaikan masalah saintifik, termasuk aplikasi simulasi komputer dan lain-lain bentuk pengiraan untuk menyelesaikan masalah dalam pelbagai bidang sains. Pelajar akan berpeluang untuk mempelajari kemahiran asas persamaan permodelan dan menyelesaikan masalah mereka melalui teknik pengkomputeran saintifik yang boleh mengoptimalkan keputusan. Kekuatan teras program ini jelas dilihat menerusi kursus-kursus berkemahiran tinggi iaitu Analisis Data Berstatistik, Permodelan Matematik dan Simulasi, Penyelidikan Operasi dan Pemrosesan Selari.



FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) mempunyai visi untuk menuju keserjanaan Ekonomi, Perniagaan dan Keusahawanan serantau melalui penawaran program Keserjanaan Ekonomi, Perniagaan dan Keusahawanan yang menjadi pilihan utama kepada golongan pelajar dan akademik. Program pengajian yang disediakan adalah bersifat kontemporari dan berteraskan teknologi maklumat. Fakulti juga bermatlamat untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam bidang Ekonomi dan Perniagaan sebagai teras keilmuannya melalui persekitaran pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif serta konstruktif bagi membekalkan sumber manusia yang kompetitif. Fakulti sentiasa bekerjasama dan berganding bahu dengan industri dalam memenuhi kehendak pembangunan ekonomi negara untuk menghasilkan golongan profesional yang mampu berdaya saing di peringkat global.

PROGRAM EKONOMI ANTARABANGSA

Pengkhususan dalam Ekonomi Antarabangsa bertujuan melahirkan pesaing ekonomi dan perdagangan di peringkat global. Fokus utama adalah penilaian ke atas kesan serta sumbangan perniagaan/ perdagangan antarabangsa terhadap ekonomi di Malaysia dan sebaliknya. Pendekatan P&P melibatkan kemahiran ekonomi dan perniagaan antarabangsa, kaedah pengurusan dan penggunaan aplikasi teknologi harga, peraturan, persaingan, kaedah kewangan

dan pelaburan, gelagat perniagaan dan perbadanan termasuklah multinasional dan transnasional. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran, fokus utama adalah kepada aplikasi kemahiran ekonomi dan perniagaan antarabangsa, dan penilaian ke atas kesan serta sumbangan perniagaan/ perdagangan antarabangsa terhadap ekonomi di Malaysia dan sebaliknya, serta kaedah pengurusan dan penggunaan aplikasi teknologi.

PROGRAM PERAKAUNAN

Program ini bermatlamat melahirkan graduan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara, masyarakat dan insan melalui profesion yang melibatkan perakaunan. Pelajar akan didedahkan kepada sifat kepimpinan, penggerak dan agen perubahan yang peka dalam menjalankan tugas dalam skop bidang perakaunan. Graduan diberi jaminan pengiktirafan daripada badan profesional dalam bidang perakaunan di Malaysia seperti Malaysian Institute of Accountants (MIA), dan pengiktirafan dari badan-badan perakaunan profesional antarabangsa seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA). Fokus Program adalah untuk melahirkan kumpulan profesional yang mahir berfikir secara analitikal, kolektif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa dalam bidang kewangan dan perniagaan. Program ini juga mendedahkan pelajar kepada sistem dan instrumen kewangan, operasi sistem kewangan, penstrukturan dan kawalan korporat, sumber pembiayaan, persaingan, pengurusan strategik dan mekanisme pelaburan peringkat nasional dan antarabangsa.

PROGRAM PENGURUSAN KORPORAT

Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pengurusan Korporat) bermatlamat untuk memenuhi keperluan industri terhadap graduan-graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran di dalam bidang pengurusan korporat. Amalan tadbir urus korporat dan etika perniagaan yang baik berpandukan kepada kod tadbir urus dan kod etika dapat membantu sektor korporat Malaysia bersaing dengan lebih cekap dan berkeupayaan meraih pencapaian terbaik dalam arus globalisasi mas kini. Sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap tenaga kerja mahir, kursus-kursus di dalam program ini memberi penekanan kepada konsep, teori dan kemahiran dalam menganalisis dan menyelesaikan masalah dalam semua aspek pengurusan korporat. Pendekatan integrasi (integrated approach) dan pendekatan berbilang fungsi perniagaan (business multifunctional approach) digunakan, merangkumi aspek-aspek pengurusan cemerlang, penerapan budaya perniagaan, penguasaan ilmu pengurusan maklumat yang cekap, dan juga pengurusan dalam pelbagai bidang fungsi organisasi seperti pengeluaran, pemasaran, kewangan, penyelidikan operasi, perancangan strategik, pengurusan sumber manusia dan sebagainya.

PROGRAM PENGURUSAN PERNIAGAAN (PEMASARAN)

Pengkhususan ini mengetengahkan konsep pemasaran dan peranannya dalam mengurus operasi sesebuah organisasi. Fokus utama program adalah kursus-kursus kemahiran pemasaran seperti promosi, saluran pengagihan, penjualan dan pengurusan jualan. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran melibatkan kajian kes dan tugasan-tugasan interaktif serta penggunaan teknik dan teknologi maklumat dalam bidang kualitatif dan kuantitatif bagi menguji kemahiran untuk membuat keputusan.

PROGRAM EKONOMI PERNIAGAAN

Program Ekonomi Perniagaan bermatlamat untuk menjadi peneraju utama dan pemangkin kepada perkembangan pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Program ini menekankan ilmu bidang perniagaan bagi melahirkan graduan yang proaktif, berkemampuan, dan berkeyakinan tinggi dalam bidang ekonomi perniagaan dan pembelajaran yang bersifat menyeluruh ini membantu pemahaman yang lebih mendalam mengenai bidang tersebut. Ianya sangat penting bagi memastikan graduan dalam bidang ini bersungguh-sungguh mempertingkatkan kualiti ekonomi umumnya dan profesion yang melibatkan perniagaan khususnya. Di dalam program ini, pihak fakulti menawarkan beberapa kursus yang menjurus kepada bidang Ekonomi Perniagaan seperti Ekonomi Pengurusan, Pengurusan Kewangan, Pembiayaan Awam, Analisis Pelaburan dan Pengurusan Portfolio dan sebagainya. Melalui program ini, pihak fakulti dapat melahirkan graduan yang berkualiti di dalam bidang Ekonomi Perniagaan. Kebolehpasaran para graduan Program Ekonomi Perniagaan ini adalah sangat luas.

PROGRAM KEWANGAN

Graduan program kewangan adalah kumpulan profesional yang berfikir secara analitikal, kolektif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa dalam bidang kewangan dan perniagaan. Graduan program ini mempunyai kefahaman berhubung operasi institusi kewangan antarabangsa, perjanjian antarabangsa, gelagat perniagaan dan perbadanan syarikat transnasional dan multinasional. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran menekankan teori dan amalan kewangan dan perniagaan di mana perhatian diberikan terhadap topik-topik berkaitan sistem dan instrumen kewangan, operasi sistem kewangan, penstrukturan dan kawalan korporat, sumber pembiayaan, persaingan, pengurusan strategik dan mekanisme pelaburan peringkat nasional dan antarabangsa.

PROGRAM EKONOMI PERKHIDMATAN

Program ini menekankan ilmu bidang perkhidmatan dari segi teoritik dan amali bagi melahirkan graduan yang proaktif, berkemampuan, dan berkeyakinan tinggi dalam bidang ekonomi perkhidmatan dan pembelajaran yang bersifat menyeluruh ini membantu pemahaman yang lebih mendalam mengenai bidang tersebut. Di bawah program ini, fakulti menawarkan beberapa kursus yang menjurus kepada bidang perkhidmatan seperti kesihatan, pengetahuan, pengangkutan dan rekreasi. Program ini dijangka akan melahirkan graduan yang berkualiti di dalam bidang perkhidmatan dan seterusnya menyumbangkan tenaga profesional dalam bidang perkhidmatan selaras dengan proses peralihan struktur ekonomi negara ke arah ekonomi perkhidmatan. Keperluan tenaga kerja graduan dalam Program Ekonomi Perkhidmatan dijangka akan terus meningkat pada masa depan.



FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan beriltizam untuk menjadi pusat pengajian ilmu perubatan dan kesihatan terkemuka serta terpilih di kalangan pelajar dan masyarakat, dan mempunyai daya saing yang sezaman dengan cabaran perubahan. Dengan pendekatan kaedah pengajaran-pembelajaran yang inovatif termasuk pengajaran-pembelajaran yang berasaskan masalah (Problem-based Learning) serta kandungan kurikulum yang berorientasikan komuniti, graduan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan ini mempunyai mutu profesionalisme yang tinggi serta berupaya berkhidmat dengan cekap dan bertanggungjawab. Fakulti ini menyumbang secara aktif terhadap perkembangan ilmu kesihatan melalui pendekatan pendidikan perubatan yang relevan dan efektif, yang berteraskan penyelidikan yang bersesuaian.

PROGRAM PERUBATAN

Program pengajian perubatan mengamalkan ciri-ciri pendekatan yang bersepadu, perkembangan pembelajaran yang kumulatif dan pendedahan awal dalam aspek klinikal. Program pengajian perubatan memerlukan tempoh pengajian selama lima tahun dan dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama bertemakan interaksi antara sistem dalaman dan luaran sepanjang hayat dan kesudahan kesihatan serta penyakit pada individu dan penduduk.

Objektifnya adalah untuk menggalakkan pelajar meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah, pembelajaran atas daya sendiri dan mengendalikan maklumat dengan bijak. Fasa kedua bermatlamat untuk membolehkan pelajar-pelajar perubatan memperolehi kemahiran dalam pelbagai ilmu kesihatan, kemahiran dalam pencegahan penyakit, pendidikan kesihatan dan juga promosi kesihatan. Melalui pendedahan praktikal, pelajar juga berpeluang mendapat pengalaman kerja yang relevan dalam memikul tanggungjawab ketika bekerjasama dengan pekerja kesihatan secara berpasukan. Pendedahan kepada permasalahan klinikal dapat membantu pelajar perubatan mengamal rawatan dengan kaedah yang berciri kemanusiaan, beretika dan bermoral.

PROGRAM KEJURURAWATAN

Program ini direkabentuk untuk melahirkan graduan kejururawatan yang mahir dan berpengetahuan luas dalam bidang sains kesihatan serta mampu memikul peranan dengan cekat, berilmu dan bertepatan dengan konteks keperluan kesihatan yang semakin mencabar di zaman ini. Program ini mempunyai dua mod pengambilan – pra-pendaftaran dan pasca-pendaftaran.

Untuk mod pra-pendaftaran, peluang ini ditawarkan kepada pelajar lepasan Matrikulasi dan STPM. Program ini ditawarkan sepenuh masa selama empat tahun. Untuk mod pasca-pendaftaran, peluang ini ditawarkan kepada pelajar yang telah mempunyai sijil atau diploma dalam bidang kejururawatan. Tempoh pengajian adalah tidak kurang daripada 2 ½ tahun atau 5 semester sepenuh masa, dan syarat pengambilan adalah tertakluk kepada bilangan pemindahan kredit yang diluluskan. Pembelajaran dan pengalaman klinikal kejururawatan yang lalu diambilkira untuk pemindahan kredit akademik.

Penekanan program ini adalah pada elemen-elemen berikut:

- Peningkatan pemikiran secara kritikal
- Daya kerjasama yang tinggi
- Pengamalan sikap pimpinan yang berkesan dan kemahiran mengurus masa
- Penguasaan kemahiran penyelesaian masalah dan membuat keputusan.
- Pengenalan penyelidikan sebagai asas pengalaman
- Peningkatan ketrampilan bagi menangani perubahan dalam profesion kejururawatan



Syarat Kemasukan

Ke Program Pengajian

Ijazah Sarjana Muda UNIMAS

Memenuhi Syarat Am Universiti serta Keperluan
Syarat Khas Program

Science, Technology, Engineering & Mathematic (S.T.E.M)

- ▶ Fakulti Kejuruteraan
(Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
(Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Sains Komputer dan Teknologi
Maklumat (Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
(Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan
Manusia (Program Sains Kognitif sahaja)
- ▶ Fakulti Alam Bina
(Semua program pengajian)

Sains Sosial

- ▶ Fakulti Bahasa dan Komunikasi
(Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
(Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
(Semua program pengajian)
- ▶ Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan
Manusia (Program Psikologi, Pembangunan
Sumber Manusia, dan Kaunseling)

Perubatan

- ▶ Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
(Semua program pengajian)

SYARAT AM UNIVERSITI

STPM

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (**SPM**)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (**SPM** 2013 dan ke atas);

Dan

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (**STPM**) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya:

- Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am;

Dan

- Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET)** atau yang setaraf

STAM

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (**SPM**)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (**SPM** 2013 dan ke atas);

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET)** atau yang setaraf

Martikulasi KPM/ Asasi Sains UM/Asasi UTM

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (**SPM**)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (**SPM** 2013 dan ke atas);

Dan

Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UTM/Asasi Sains UNIMAS dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET)** atau yang setaraf

Diploma/Setaraf

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (**SPM**)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (**SPM** 2013 dan ke atas);

Dan

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;

Atau

Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (**STPM**) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am.

Atau

Lulus peperiksaan Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET)** atau yang setaraf

A Level/ International Baccalaureate (IB)/ AUSMAT

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (**SPM**)/Setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (**SPM** 2013 dan ke atas);

Dan

Lulusan GCE A Level/ *International Baccalaureate Diploma (IB)*/ AUSMAT yang diiktiraf kerajaan Malaysia dan diluluskan Senat university

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya **tahap 2 (Band 2) dalam ujian MUET/ Band 5.5 dalam ujian IELTS / score 500 dalam ujian TOEFL PBT/ score 59 dalam ujian TOEFL IBT.**



SYARAT KHAS PROGRAM

**MENGIKUT KELAYAKAN AKADEMIK
(STPM / MATRIKULASI / ASASI / DIPLOMA
/ STAM / A LEVEL / INTERNATIONAL /
BACCALAUREATE & AUSMAT)**

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastera
FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN (FEP)	UW-6-314-001 Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Perkhidmatan) dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran berikut: • <i>Mathematics M</i> • <i>Mathematics T</i> Dan	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran berikut; • Ekonomi • Pengajian Perniagaan • Perakaunan Dan
	UW-6-314-002 Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Perniagaan) dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam satu (1) mata pelajaran lain (tidak termasuk Pengajian Am) Dan Mendapat sekurang-kurangnya kepujian Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut : • <i>Mathematics/Additional Mathematics</i> Dan	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam satu (1) mata pelajaran lain (tidak termasuk Pengajian Am) Dan Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut : • <i>Mathematics/Additional Mathematics</i> Dan
	UW-6-314-003 Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Antarabangsa) dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut : • Bahasa Inggeris Dan	Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut : • Bahasa Inggeris Dan
		Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastera
FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN (FEP)	UW-6-343-001 Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian 6 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C+ (NGMP 2.33) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM dalam satu (1) mata pelajaran berikut: - <i>Mathematics/ Additional Mathematics</i>:</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: - Bahasa Inggeris</p>	
	UW-6-344-001 Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian 8 Semester	<p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (<i>Band 2.0</i>) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>	
	UW-6-342-001 Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dengan Kepujian 6 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris • <i>Mathematics / Additional Mathematics</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (<i>Band 2.0</i>) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>	
	UW-6-345-003 Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pengurusan Korporat) dengan Kepujian 6 Semester		

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains
FAKULTI KEJURUTERAAN (FK)	UW-6-526-002 Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil dengan Kepujian 8 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> · <i>Physics</i> · <i>Mathematics T</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> · <i>Mathematics / Additional Mathematics</i> <p style="text-align: center;">Dan</p>
	UW-6-521-001 Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian 8 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> · Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>
	UW-6-522-001 Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik dengan Kepujian 8 Semester	<p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Calon tidak mempunyai ketidakupayaan fizikal yang menyukarkan pembelajaran dan kerja amali.</p>

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains
FAKULTI KEJURUTERAAN (FK)	UW-6-524-001 Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian 8 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (NGMP 2.67) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> · <i>Physics</i> · <i>Mathematics T</i> · <i>Chemistry</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya kepujian Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> · <i>Mathematics/Additional Mathematics</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> · Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Calon tidak mempunyai ketidakupayaan fizikal yang menyukarkan pembelajaran dan kerja amali.</p>

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains & Sastera
FAKULTI ALAM BINA (FAB)	UW-6-581-001 Sarjana Muda Sains (Kepujian) Senibina 6 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan yang menyukarkan kerja amali.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Lulus ujian temuduga yang ditetapkan oleh Universiti.</p>
	UW-6-526-001 Sarjana Muda Ukur Bahan dengan Kepujian 8 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 pada peringkat STPM.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran di peringkat STPM (termasuk Pengajian Am).</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Matematik / Matematik Tambahan • Mana-mana dua (2) mata pelajaran lain <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran berikut di peringkat SPM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan dan ketidakupayaan fizikal yang menyukarkan kerja-kerja amali.</p>

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (FSKTM)	UW-6-481-001 Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Komputan) dengan Kepujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics M</i> atau • <i>Mathematics T</i> dan mana-mana satu (1) mata pelajaran berteraskan <i>Information and Communications Technology (ICT) / Sains (Physics / Chemistry / Biology)</i> <p style="text-align: center;">Atau</p>
	UW-6-481-002 Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Data) dengan Kepujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran. <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya kepujian Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics T</i> atau • <i>Mathematics M</i> dan mana-mana satu mata pelajaran Sains, Teknologi dan Kejuruteraan <p style="text-align: center;">Dan</p>
	UW-6-481-003 Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
	UW-6-481-004 Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian dengan Kepujian 8 Semester	
	UW-6-481-005 Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Rangkaian) dengan Kepujian 8 Semester	

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains & Sastera
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER (FSTS)	UW-6-421-001 Sarjana Muda Sains dalam Biologi Marin dan Air Tawar dengan Kepujian 7 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 pada peringkat STPM.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam salah satu (1) mata pelajaran di peringkat SPM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Biologi / Sains / Physics / Chemistry / Sains Pertanian / Information And Communication Technology / Mathematics / Additional Mathematics / Sains Tambahan.</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>
	UW-6-421-002 Sarjana Muda Sains Tumbuhan dengan Kepujian 7 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 pada peringkat STPM.</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam salah satu (1) mata pelajaran di peringkat SPM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Additional Mathematics / Physics / Biologi / Chemistry / Sains Pertanian / Sains / Sains Tambahan</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>
	UW-6-421-003 Sarjana Muda Sains dalam Teknologi Zoologi dengan Kepujian 7 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 pada peringkat STPM.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran pada peringkat STPM.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam salah satu (1) mata pelajaran di peringkat SPM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Biologi / Physics / Chemistry / Sains / Sains Tambahan</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER (FSTS)	UW-6-545-001 Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Sumber) 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut : <ul style="list-style-type: none"> • <i>Biology</i> dan • Mana-mana satu (1) mata pelajaran lain <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam salah tiga (3) mata pelajaran di peringkat SPM : <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics</i> • Mana-mana satu (1) mata pelajaran berteraskan Sains (<i>Science / Additional Mathematics / Pertanian / Sains Pertanian / Physics / Chemistry / Biology / Additional Science</i>) • Mana-mana satu (1) mata pelajaran lain (tidak termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah) <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
	UW-6-442-001 Sarjana Muda Sains Kimia dengan Kepujian 7 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran Chemistry . <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.
	UW-6-621-001 Sarjana Muda Sains Agroteknologi dengan Kepujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Biologi/ Kimia/ Fizik <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Gred E (Lulus) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.



FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastera
FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA (FSKPM)	UW-6-311-001 Sarjana Muda Psikologi dengan Keujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).	
	Dan		
	UW-6-345-004 Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia dengan Keujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics/Additional Mathematics</i> • Bahasa Inggeris 	
Dan		Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	
	UW-6-762-002 Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).	
	Dan		
	Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics/Additional Mathematics</i> • Bahasa Inggeris 		
Dan		Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	
Dan		Lulus ujian temuduga dan ujian saringan yang ditetapkan oleh Universiti.	

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastera
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)	UW-6-347-001 Sarjana Muda Sains Sosial dalam Hubungan Industri dan Pekerjaan dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).	
		Dan	
	UW-6-312-001 Sarjana Muda Sains Sosial dalam Antropologi dan Sosiologi dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:	
		<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mathematics / Additional Mathematics</i> • <i>Bahasa Inggeris</i> 	
		Dan	
	UW-6-313-001 Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Hubungan Antarabangsa) 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	
UW-6-313-002 Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Kajian Politik dan Pemerintahan) 6 Semester			
UW-6-345-001 Sarjana Muda Sains Sosial dalam Perancangan dan Pengurusan Pembangunan dengan Kepujian 6 Semester			
UW-6-762-001 Sarjana Muda Sains Sosial dalam Kerja Sosial dengan Kepujian 6 Semester			

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastera
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF (FSGK)	UW-6-210-001 Sarjana Muda Sastera dalam Pengurusan Seni dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).	Dan
	UW-6-212-001 Sarjana Muda Sastera dalam Muzik dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: • Bahasa Inggeris	Dan
	UW-6-212-002 Sarjana Muda Sastera dalam Drama dan Teater dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	
	UW-6-213-002 Sarjana Muda Animasi dengan Kepujian 7 Semester		
	UW-6-211-001 Sarjana Muda Sastera dalam Seni Halus dengan Kepujian 6 Semester		
	UW-6-213-001 Sarjana Muda Sastera dalam Sinematografi dengan Kepujian 6 Semester		
	UW-6-214-001 Sarjana Muda Sastera dalam Teknologi Seni Reka dengan Kepujian 6 Semester		

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastera
FAKULTI PENDIDIKAN BAHASA DAN KOMUNIKASI (FPBK)	UW-6-224-001 Sarjana Muda Sastera dalam Bahasa Inggeris Untuk Komunikasi Global dengan Kepujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am). Dan Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: • Bahasa Inggeris Dan Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 4.0 (Band 4.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	
	UW-6-222-001 Sarjana Muda Sastera dalam Linguistik dengan Kepujian 6 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am). Dan Mendapat sekurang-kurangnya lulus Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: • Bahasa Inggeris Dan Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	
	UW-6-321-001 Sarjana Muda Komunikasi (Komunikasi Strategik) dengan Kepujian 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am). Dan Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: • Bahasa Inggeris Dan Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.	

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)	
		Aliran Sains	Aliran Sastra
FAKULTI PENDIDIKAN BAHASA DAN KOMUNIKASI (FPBK)	UW-6-145-001 Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian 8 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran (tidak termasuk Pengajian Am).</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Matematik <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3.0 (Band 3.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Lulus ujian MEdSI, ujian kecergasan dan temuduga yang ditetapkan oleh Universiti.</p>	

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (FPSK)	UW-6-721-001 Doktor Perubatan 10 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada peringkat STPM dan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) dalam tiga (3) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Biologi • Kimia • Fizik/ Matematik M/ Matematik T <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Biologi • Kimia • Fizik • Matematik M/ Matematik T • Mana-mana satu (1) matapelajaran lain <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3.0 (Band 3.0) dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Lulus ujian temuduga yang ditetapkan oleh universiti.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lulus saringan khas yang ditetapkan oleh universiti. • Calon hendaklah disahkan sihat dari segi perubatan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh UNIMAS. • Calon yang mengidap penyakit medikal seperti HIV/AIDS, Hepatitis B atau C, penyakit mental, sawan dan penyakit kronik yang lain tidak dibenarkan memasuki program ini.

FAKULTI	PROGRAM	SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
		Aliran Sains
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (FPSK)	UW-6-723-001 Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian 8 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Biologi • Kimia • Sains • Matematik / Matematik Tambahan <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam salah satu (1) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Biologi / Kimia / Fizik / Sains / Sains Tambahan/ Matematik / Matematik Tambahan <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3.0 (Band 3.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semua calon dikehendaki mendedahkan status kesihatan mereka sendiri semasa kemasukan. 2. Semua calon WAJIB mendapatkan Sijil Kesihatan daripada pengamal perubatan berdaftar selepas pendaftaran. 3. Calon yang mempunyai mana-mana keadaan berikut akan TIDAK LAYAK untuk memasuki program kejururawatan, seperti : <ul style="list-style-type: none"> • Buta warna, penyakit/ deformasi fizikal, penyakit mental, atau penyakit berjangkit, yang boleh menjejaskan amalan kejururawatan. • Individu yang menghidap HIV/ AIDS/ Hepatitis B/ Hepatitis C tidak layak memasuki program.



FAKULTI	PROGRAM	Matrikulasi / Asasi SAINS / KEJURUTERAAN / TEKNIKAL
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI SUMBER (FSTS)	UW-6-545-001 Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Sumber) 6 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat Matrikulasi / Asasi dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Biology / Physics</i> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM dalam tiga (3) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Mathematics.</i> Mana-mana satu (1) mata pelajaran berteraskan Sains (<i>Science / Additional Mathematics / Pertanian / Sains Pertanian / Physics / Chemistry / Biology / Additional Science</i>). Mana-mana satu (1) mata pelajaran lain (tidak termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah). <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>
	UW-6-442-001 Sarjana Muda Sains Kimia dengan Kepujian 7 Semester	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat Matrikulasi / Asasi dalam mata pelajaran Chemistry.</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bahasa Inggeris <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2.0 (Band 2.0) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 Tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.</p>
